KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	8/1/2022 (SABTU)	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	KeTSA			

Setiap negeri ada kuota tebang balak

BH 8.1.2022_14

Putrajaya: Setiap negeri mempunyai kuota penebangan balak pada setiap tahun yang ditentukan melalui keputusan Majlis Tanah Negara (MTN).

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan, berkata MTN dipengerusikan Perdana Menteri dan dianggotai semua menteri besar serta ketua menteri.

Beliau berkata, pada asasnya, memang ada catuan tebangan tahunan yang ditentukan berdasarkan Kriteria dan Petunjuk Pengurusan Hutan sejak 2012.

"Setiap negeri tidak boleh menebang dan mengeluarkan balak melebihi kuota yang dihadkan dan perlu mematuhi catuan tebangan tahunan.

"Saya tidak pasti mengenai kenyataan Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah bahawa setiap kegiatan penebangan balak mempunyai prosedur tersendiri.



Takiyuddin Hassan

"Saya akan menghubunginya bagi mendapatkan penjelasan," katanya pada sidang media Program Bantuan Banjir Keluarga Malaysia: Pembelian Peralatan Elektrik Domestik, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Mohd Amar yang menyebut setiap kegiatan penebangan balak mempunyai prosedur tersendiri dan perlu mendapat kelulusan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA).

Mohd Amar dilaporkan berkata, kerajaan negeri tidak mempunyai kuasa menentukan kuota penebangan balak di setiap negeri, sebaliknya kegiatan itu dilakukan mengikut perkara yang termaktub di bawah Akta Perhutanan Negara 1984.

Mengulas lanjut, Takiyuddin berkata, beliau pernah menganggotai EXCO kerajaan Kelantan dan mengetahui setiap negeri mempunyai kuota penebangan balak yang ditetapkan setiap tahun.

Selain itu, beliau berkata, kerajaan komited mengekalkan 50 peratus kawasan hutan menjelang 2040 dan ketika ini, negara mempunyai 55.3 peratus kawasan hutan.